

07 SEP 1997

UMNO: KEDAH TIDAK TERKEJUT DENGAN PENANGGUHAN BINA LAPANGAN TERBANG

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kedah tidak terkejut dengan langkah Kerajaan Pusat menangguhkan rancangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara di Kedah kerana pembangunannya memang lambat lagi untuk dilaksanakan.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata pegumuman Perdana Menteri berhubung perkara itu tidak memberi apa-apa kesan kepada Kedah.

"Kita tak terkejut sangat (dengan penangguhan itu) sebab program ini memang masih lambat. Cuma yang bagusya mengenai pengumuman itu ialah sekurang-kurangnya ia meletakkan projek itu dalam prospektif yang sebenar," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan agung Umno, yang berakhir di sini, hari ini.

Sanusi berkata pembinaan lapangan terbang itu memang lambat lagi kerana proses menambak laut mengambil masa tiga hingga lima tahun bagi memastikannya benar-benar mampat.

Khamis lepas, Datuk seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penangguhan beberapa projek besar termasuk projek hidro elektrik Bakun bernilai RM13.6 bilion berikutan kejatuhan nilai Ringgit.

Selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi itu, Dr Mahathir berkata projek lain yang ditangguhkan ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara, projek LinearCity di sini dan lebuh raya menghubungkan tiga kawasan tanah tinggi di Banjaran Titiwangsa. -- BERNAMA

NZ NAK